

MEXOMIDE TABLET

Metoclopramide Hydrochloride (10mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Mexomide Tablet
2. Bagaimana Mexomide Tablet berfungsi
3. Sebelum menggunakan Mexomide Tablet
4. Cara menggunakan Mexomide Tablet
5. Semasa menggunakan Mexomide Tablet
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Mexomide Tablet
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Mexomide Tablet

Golongan dewasa

Mexomide Tablet digunakan pada orang dewasa untuk:

- Pencegahan loya dan muntah yang disebabkan oleh kemoterapi dan radioterapi.
- Rawatan simptom-simptom loya dan muntah-muntah.

Golongan kanak-kanak

Mexomide Tablet digunakan pada kanak-kanak (umur 9-18 tahun) untuk:

- Pencegahan loya dan muntah-muntah tertangguh yang disebabkan oleh kemoterapi sebagai rawatan pilihan kedua.

Bagaimana Mexomide Tablet berfungsi

Metoclopramide meningkatkan pergerakan gastrik dan mempercepatkan pengosongan gastrik. Ia juga mempunyai tindakan anti muntah yang sebahagiannya disebabkan oleh tindakan pada saluran gastrousus dan sebahagiannya oleh tindakan secara langsung kepada sistem saraf berpusat yang mengawal minda dan tubuh badan.

Sebelum menggunakan Mexomide Tablet

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan ambil ubat ini jika anda mempunyai salah satu daripada berikut:

- 1) Hipersensitiviti kepada metoclopramide atau dengan mana-mana bahan yang disenaraikan.
- 2) Pendarahan, halangan atau penembusan pada gastrousus.
- 3) Disahkan atau disyaki *phaeochromocytoma* (tumor bukan kanker yang terbentuk di kelenjar adrenal).
- 4) Pernah mengalami pergerakan badan yang tidak terkawal disebabkan oleh

- metoclopramide atau ubat-ubatan yang mengurangkan fungsi saraf.
- 5) Sawan
 - 6) Penyakit Parkinson.
 - 7) Pengambilan ubat seperti levodopa atau dopamine agonist.
 - 8) Diketahui pernah mengalami methaemoglobinæmia (gangguan darah di mana oksigen yang terlalu sedikit dihantar kepada sel-sel).
 - 9) Digunakan pada kanak-kanak berumur kurang 1 tahun.

Mengandung dan menyusukan anak
Jangan ambil Mexomide Tablet jika anda mengandung, merancang untuk mengandung atau akan mengandung terutamanya semasa semester pertama kandungan.

Jangan ambil Mexomide Tablet jika anda sedang menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

- Sebelum mula menggunakan Mexomide Tablet

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda mengalami:

- Masalah buah pinggang yang sederhana atau teruk
- Masalah hati yang teruk
- Masalah saraf
- Masalah jantung

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Metoclopramide tidak boleh diambil dengan

- Neuroleptic –penenang
- Agen anti-kolinergik
- Ubat yang digunakan untuk penyakit Parkinson (e.g. levodopa)
- Depresan sistem saraf pusat
- Digoxin - merawat keadaan jantung
- Cimetidine - merawat pedih ulu hati dan ulser perut
- Paracetamol - melegakan sakit dan demam
- Tetracycline – antibiotik

Cara menggunakan Mexomide Tablet

- Berapa banyak harus digunakan

Dewasa:

Dos tunggal yang disyorkan adalah 10 mg, diulang sehingga 3 kali sehari. Dos maksimum yang disyorkan setiap hari adalah 30 mg atau 0.5 mg/kg berat badan.

Pencegahan loya dan muntah-muntah tertangguh yang disebabkan oleh kemoterapi

Kanak-kanak berumur 9-18 tahun)

Dos yang disyorkan adalah 0.1 hingga 0.15 mg/kg berat badan, diulang sehingga tiga kali sehari melalui oral. Dos maksimum yang disyorkan dalam 24 jam adalah 0.5 mg/kg berat badan.

Jadual dos

Umur	Berat badan	Dos	Kekerapan
9-18 tahun	30-60 kg	5 mg	Sehingga 3 kali sehari
15-18 tahun	Lebih 60 kg	10 mg	Sehingga 3 kali sehari

Iikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

- Bila perlu digunakan

Iikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

Jarak sekurangnya 6 jam di antara 2 pengambilan perlu diikuti, walaupun muntah-muntah berlaku.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

Rawatan maksimum yang disyorkan adalah selama 5 hari.

- Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini. Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini

MEXOMIDE TABLET

Metoclopramide Hydrochloride (10 mg)

perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Pengambilan tablet ini secara berlebihan mungkin menyebabkan reaksi *extrapyramidal* seperti pertuturan yang susah difahami, menggeletar, keresahan, cemas dan pemikiran yang lambat.

Semasa menggunakan Mexomide Tablet

- Perkara yang perlu dilakukan

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Mexomide Tablet.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi Mexomide Tablet dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama seperti anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian Memandu dan menggunakan jentera
Ubat ini boleh mengganggu keupayaan untuk memandu atau menggunakan jentera. Jika tablet ini menyebabkan anda rasa loya, pening atau letih, atau menyebabkan anda sakit kepala, jangan memandu atau menggunakan jentera dan hubungi doktor anda dengan segera.

Kesan-sesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Mexomide Tablet boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Metoclopramide boleh menyebabkan reaksi *extrapyramidal*, terutamanya di kalangan orang muda. Kesan sampingan yang lain termasuk ketidakselesaan usus, mengantuk dan keletihan, pening, kegelisahan dan keresahan. Penghasilan susu yang berlebihan atau tidak normal dan pembesaran dada lelaki telah dilaporkan.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini. Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835549, atau laman web npra.moh.gov.my (*Public → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*).

Cara penyimpanan dan pelupusan Mexomide Tablet

- Penyimpanan

Pastikan bekas ditutup rapat. Simpan di tempat yang kering di bawah 25°C. Lindungi daripada cahaya. Jauhi ubat daripada kanak-kanak.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Tablet tidak bersalut berwarna putih, rata, bulat dan bergaris.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
Metoclopramide Hydrochloride

- Bahan tidak aktif
Gelatin, Lactose, Magnesium Stearate, Starch, Dried Starch.

- Nombor MAL

MAL19910164AZ

Pengilang & Pemegang Pendaftaran Produk

Dynapharm (M) Sdn. Bhd.
2497, Mk 1, Lorong Perusahaan Baru 5,
Kawasan Perusahaan Perai 3,
13600 Perai, Pulau Pinang, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

14/09/2018

Nombor Siri:

NPRA(R4/1)130918/00256